

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

SEPTEMBER 2001

RPK 334 - PERANCANGAN LALULINTAS

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. Bincangkan istilah-istilah di bawah ini:

- (a) Kesesakan lalulintas di Malaysia
- (b) Sistem lampu isyarat
- (c) Halaman pejalan kaki
- (d) Projek lebuh raya tol di Malaysia
- (e) Sistem pengangkutan awam moden

(20 Markah)

2. (a) Senaraikan **10** isu dan masalah lalulintas yang sering berlaku di pusat bandaraya Georgetown.

(b) Bincangkan punca wujudnya masalah-masalah tersebut.

(20 Markah)

3. (a) Apakah tujuan bancian isipadu lalulintas dijalankan?

(b) Berdasarkan persimpangan 'T' atau simpang tiga, huraikan bagaimanakah bancian lalulintas dikendalikan? (Sila tunjukkan lakaran persimpangan serta borang bancian).

(20 Markah)

...2/-

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan bancian asal destinasi?
 (b) Bincangkan bagaimanakah bancian asal destinasi penumpang pengangkutan awam dilaksanakan?

(20 Markah)

5. (a) Terdapat pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan atau kehendak terhadap ruang tempat meletak kenderaan (kereta) yang terdapat di pusat bandar. Huraikan siapakah mereka itu?
 (b) Huraikan teknik yang sesuai bagi menjalankan bancian penggunaan tempat letak kereta berpusat yang terdapat dalam bangunan kompleks membeli belah.

(20 Markah)

6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan lalulintas?
 (b) Bincangkan strategi dan teknik pengurusan lalulintas yang sesuai untuk dilaksanakan agar dapat meminimumkan masalah lalulintas di bandaraya Georgetown.

(20 Markah)

-ooo00ooo-